

Harian Metro
16 January 2018



LEW (kiri) bersama Gupta (dua dari kanan) melancarkan Sun Income Secure, semalam.

Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@bh.com.my

Kuala Lumpur

CIMB-Bank Bhd (CIMB Bank) dan rakan insuransnya Sun Life Malaysia Assurance Bhd (Sun Life Malaysia) memperkenalkan pelan insurans terkini *Sun Income Secure* dengan sasaran premium RM30 juta tahun ini.

Ketua Eksekutif dan Presiden Sun Life Malaysia Raymond Lew berkata, sasaran premium itu bakal dipacu penyertaan antara 2,000 dan 3,000 pemegang polisi baru.

"Kami membuat prapelanaran produk terbaru Julai tahun lalu dan mengumpul lebih 600 pelanggan membabitkan jumlah premium RM11 juta.

"Justeru, kami yakin pro-

■ **CIMB, Sun Life Malaysia optimis pelan baru gabung perlindungan, pelaburan raih premium RM30j**

duk *Sun Income Secure* akan mendapat perhatian pelanggan yang mahukan jaminan kewangan sepanjang hayat," katanya selepas pelancaran produk berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Perbankan Konsumer Kumpulan CIMB Samir Gupta, Presiden Sun Life Financial Asia Claude A Accum dan Ketua Pengurusan Kekayaan CIMB Bank Bhd Gary Yong.

Sun Income Secure adalah pelan penyelesaian bagi membolehkan pelanggan menikmati perlindungan,

pelaburan dan pendapatan tahunan yang dijamin dalam satu pelan tunggal untuk perancangan persaraan.

Ia menawarkan manfaat utama termasuk jaminan pendapatan tahunan sehingga 20 tahun dan pelanggan boleh memutuskan pendapatan tahunan yang ingin diperoleh bermula daripada umur persaraan mereka.

Selain itu, ia menawarkan perlindungan bayaran sekali gus jika berlakunya kematian atau hilang upaya kekal dan sementara.

Sun Income Secure juga memberikan pulangan pelaburan berpotensi menerusi pelaburan dalam dana berkaitan diuruskan secara profesional.

Sementara itu, Samir berkata, sejak lima tahun lalu pihaknya menjalin kerjasama dengan Sun Life Malaysia menyediakan pelbagai penyelesaian inovatif yang membantu pelanggannya.

"Produk baru ini adalah penyelesaian inovatif terbaru yang ditawarkan bagi membantu pelanggan mencapai impian persaraan mereka.

"Kerjasama ini sebahagian tawaran holistik untuk menyokong impian pelanggan dibantu capaian digital yang kami miliki," katanya.

